

**SOALAN LAZIM
BERKAITAN PERKHIDMATAN
HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II,
KOTA BHARU**

1. PERLANTIKAN

1.1 Soalan 1

Saya telah dilantik pada 1/1/2010 dan telah memenuhi syarat untuk pengesahan Perkhidmatan pada 1/1/2012 .Pada masa yang sama saya telah dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman "Lucut Hak Emolumen".Bilakah saya boleh disahkan dalam Perkhidmatan?

Jawapan:

Pegawai hanya boleh disahkan dalam Perkhidmatan selepas 24 bulan Dari tarikh 1/1/2012 iaitu pada 1/1/2014.

2. CUTI

2.1 Cuti Rehat

2.1.1 Soalan 1.

Seorang pegawai didapati tidak hadir bertugas selama 60 hari, Adakah tempoh tidak hadir bertugas itu akan ditolak dari kelayakan cuti Rehat tahunan pegawai?

Jawapan:

Tidak,pegawai masih lagi layak memperolehi cuti rehat dalam tempoh tidak hadir bertugas itu.(2/11).

2.2.2 Soalan 2.

Pegawai mempunyai baki Cuti Rehat tahun 2010 sebanyak 15 hari, pegawai memohon agar baki Cuti Rehat tersebut sebanyak 5 hari dibawa ketahun 2011 dan Gantian Cuti Rehat sebanyak 10 hari.

Pada tahun 2011, pegawai memerlukan cuti Rehat yang banyak dimana Cuti Rehat Tahun 2011 telah habis diambil, bolehkah pegawai mengambil balik Cuti Rehat tahun 2010 yang dimasukkan ke GCR sebanyak 10 hari itu ketahun 2011?

Jawapan:

Tidak Boleh diambil semula bagi maksud bercuti,jika pegawai memerlukan cuti , pegawai bolehlah memohon cuti separuh gaji atau Tanpa Gaji yang masih dibenarkan(tertakluk kelulusan Ketua Jabatan) sebagaimana di peruntukan dibawah perintah AM Bab"C".(J14/11)

2.2 Cuti Tanpa Rekod

2.2.1 Cuti Kursus Sambilan (CKS)

(Rujuk: Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 7 Tahun 2009)

Soalan 1.

Saya ingin sambung belajar diperingkat diploma atau Ijazah Pertama secara sambilan (PJJ) di IPT, sebagai penjawat awam, apakah cuti yang saya layak sepanjang tempoh saya mengikuti pengajian tersebut.

Jawapan:

Pegawai boleh dipertimbangkan CKS ini selama 30 hari setahun dengan syarat mematuhi para 7 ,Pek. Perkhidmatan Bil 7 tahun 2009 iaitu

i) Disahkan dalam perkhidmatan;

ii) Terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan;

iii) Kursus yang diikuti peringkat Diploma, Ijazah Pertama , Diploma Lanjutan, Sarjana & Kedoktoran(PhD);

2.2.2 Cuti Tanpa Rekod

2.2.2.1 Soalan 1.

Seorang pegawai telah mendapat/memohon menghadiri kursus di Luar negara atas tanggungan sendiri, beliau ingin memohon Cuti tanpa Rekod bagi tempoh tersebut. Adakah beliau layak?

Jawapan:

Tidak Layak, kerana ianya bukan urusan rasmi atau arahan Ketua jabatan. Beliau perlu mengambil Cuti Rehat.(J18/2011).

2.2.2.2 Soalan 2

Seorang pegawai Perubatan telah dipilih mewakili persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (MERCY Malaysia) ke Luar Negara bagi aktiviti kemanusiaan ,Bolehkah pegawai ini dipertimbangkan Cuti Tanpa Rekod dan jumlahnya berapa hari?

Jawapan:

Boleh dipertimbangkan kerana MERCY telah disenaraikan sebagai persatuan yang layak diberi kemudahan Cuti Tanpa Rekod di bawah Perintah AM 42 (a) Bab C.((23)dlm.KKM-61(1918) Jld.11 bth 15 April 2009).

2.2.2.3 Soalan 3

Seorang pegawai telah tamat mengikuti Pengajian Ijazah secara PJJ. Beliau diminta menghadiri majlis konvokesyen termasuk raptai selama 2 hari, Adakah pegawai tersebut layak memohon Cuti Tanpa Rekod?

Jawapan:

Tiada peruntukan Cuti Tanpa Rekod boleh diberikan kepada pegawai tersebut bagi menghadiri majlis konvokesyen. Pegawai perlu menggunakan kemudahan Cuti Rehat atau Cuti Tanpa gaji yang berkelayakan. (J24/11)

2.3 Cuti Bersalin

(Rujuk: Pekeliling Perkhidmatan Bil 14/2010)

2.3.1 Soalan 1.

Saya telah menggunakan kesemua 300 hari Cuti Bersalin Bergaji Penuh, sekarang saya bersalin anak ke 6, Bolehkah saya mengambil Cuti Bersalin Tanpa Gaji selama 40 hari?

Jawapan:

Tidak Boleh, pegawai perlu mengenakan tempoh cuti Bersalin selama 60 hingga 90 hari .(Rujuk para 8, Pek. Perkhidmatan 14/2010).

2.3.2 Soalan 2.

Pada tahun 2006 ,Saya bersalin akan ke 5 dan mengambil cuti bersalin selama 60 hari ,Pada tahun 2011 ,saya telah bersalin anak ke 6 dan mempunyai baki cuti bersalin bergaji penuh selama 15 hari lagi , Sekiranya saya ingin mengambil cuti bersalin selama 60 hari,apakah saya perlu buat?

Jawapan:

Bagi mengenakan 60 hari cuti bersalin tersebut, pegawai perlu mengambil Cuti Rehat yang berkelayakan, untuk mengenyapkannya kepada 60 hari , sekiranya Cuti Rehat tidak mencukupi, pegawai perlu mengambil Cuti Tanpa Gaji.(13/2011)

2.3.3 Soalan 3

Sekiranya dalam tempoh Cuti Bersalin tersebut, pegawai telah dimasukkan kewad dan diberi cuti sakit, bolehkah cuti sakit tersebut diambil kira?

Jawapan:

Tempoh Cuti Sakit yang bertindih dengan Cuti Bersalin, tidak boleh diambil kira.(13/2011).

2.3.4 Soalan 4

Saya telah diluluskan Cuti Bersalin selama 90 hari. Pada hari ke 50 ,saya ingin memendekkan tempoh tersebut dari 90 ke 60 hari atas-atas sebab peribadi . Apakah perlu saya buat?

Jawapan

Pegawai tidak boleh meminda tempoh cuti bersalin tersebut yang telah diluluskan oleh Ketua Jabatan. (Rujuk para 15(2) PP 14/2010)(J23/11).

2.4 Cuti Sakit

2.5 Cuti Tanpa Gaji

(Rujuk: Perintah Am ,Bab C, Para 14 dan 52 & PP Bil 9/1991)

Soalan

Saya berkhidmat selama 1 tahun dan ingin mengambil Cuti Tanpa Gaji selama 2 bulan kerana mempunyai masalah peribadi. Layakkah saya memohon?

Jawapan

Pegawai layak memohon Cuti Tanpa Gaji sekiranya memenuhi syarat berikut:

- 1) Berkhidmat sekurang-kurangnya 6 bulan;
- 2) Menghabiskan semua cuti Rehat yang melayakkan;

Tetapi tempoh Cuti Tanpa Gaji yang pegawai mohon tidak layak kerana perkhidmatan pegawai hanya setahun, layak 30 hari (sebulan) sahaja . Dengan kata lain,kadar Cuti Tanpa Gaji iaitu 30 hari bagi setiap genap setahun perkhidmatan yang melayakkan tetapi tidak melebihi 360 hari.

3. ELAUN

3.1 ELAUN POS BASIK

(Rujuk Surat Edaran: (7)KK(S)260/39 Jld. 4 bertarikh 11/10/2007)

3.1.1 Soalan 1

Saya telah memperolehi Sijil Pos Basik Rawatan Renal tetapi ditugaskan bekerja di Wad Bersalin, Jabatan O & G, Bolehkah saya dibayar elaun tersebut?

Jawapan:

Tidak layak dibayar kerana tidak mematuhi kehendak surat edaran tersebut dimana pegawai hendaklah bertugas secara sepenuh masa selari dengan Sijil Pos Basik tersebut.

3.1.2 Soalan 2

Saya mempunyai 2 Sijil Pos Basik iaitu Sijil Pos Basik Psikiatrik dan Pos Basik Kecemasan, saya bertugas di Jabatan Kecemasan. Adakah saya layak dibayar kedua-dua elaun tersebut?

Jawapan:

Boleh dibayar elaun Pos Basik tersebut kerana bertugas di Jabatan Kecemasan. Hanya satu sahaja BITK yang boleh diterima oleh anggota walaupun anggota tersebut mempunyai lebih daripada satu sijil pos basik;.

3.1.3 Soalan 3

Saya telah mendapat sijil Pos Basik Pengurusan Makmal Patologi dan ditugaskan bekerja di Makmal. Bolehkah saya dibayar elaun tersebut?

Jawapan

Tidak boleh kerana Sijil Pos Basik itu tiada dalam senarai pos Basik yang diluluskan sebagaimana dalam surat edaran yang dibuat.

3.2 ELAUN KRITIKAL

Soalan 1

Saya telah cuti bersalin bergaji penuh selama 90 hari pada 1/1/2012, pada hari ke 27 telah hadir bertugas dan menyambung kembali cuti Bersalin tersebut pada hari ke 28. Adakah elaun kritikal saya dalam tempoh bersalin itu perlu dibayar balik?

Jawapan

Ya, pegawai tidak boleh datang kerja dalam tempoh cuti bersalin kerana cuti bersalin mestilah merangkumi tempoh 60 hingga 90 secara berturut-turut. Pegawai tidak boleh berbuat demikian untuk mengelakkan elaun tersebut dikutip balik.

3.3 ELAUN Bayaran Intensif Tetap Kewangan (BITK)

Soalan 1

Seorang Pem. Tadbir/Pem. Akauntan yang dibayar BITK telah meninggalkan tugasnya semasa 28 hari atau lebih secara berturut-turut, Adakah BITK itu perlu dikutip balik?

Jawapan:

Ya, perlu dikutip balik kecuali sekiranya mereka tersebut meninggalkan tugas berturut-turut tidak melebihi 92 hari dalam keadaan berikut:

- i)Menghadiri Kursus yang diarahkan Ketua Jabatan;
- ii)Menjalankan tugas rasmi atas arahan Ketua Jabatan dan
- iii)Bercuti sakit yang disokong oleh sijil sakit mengikut Perintah AM bab "C".

4. TATATERTIB

4.1 Soalan 1

Saya dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman Amaran dan Lucut Hak Emolumen, adakah saya boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat?

Jawapan

Ya boleh, tetapi tarikh pegawai layak untuk kenaikan pangkat perlu dilanjutkan/tambah selama 24 bulan dari tarikh sepatutnya.

4.2 Soalan 2

Pegawai A mempunyai kelayakan cuti rehat Tahun sebanyak 30 hari. Beliau tidak hadir bertugas selama 4 bulan berturut-turut,pegawai diambil tindakan tatatertib dan hukumannya Lucut Hak Emolumen, berapakah kelayakan Cuti Rehat Pegawai A pada tahun tersebut ?

Jawapan

Kelayakan Cuti Rehat pegawai A tidak akan terjejas semasa tempoh tidak hadir bertugas itu.(2/11)

5. TANGGUNG KERJA

(Rujuk: Pekeliling Perkhidmatan Bil 17 Tahun 2007)

5.1 Soalan 1.

Saya sekarang sedang menanggungkerja jawatan lain, saya perlu menghabiskan kerja-kerja berkenaan dengan menjalankan kerja Lebih Masa,saya berjawatan Gred 17, bolehkah saya membuat tuntutan Elaun Lebih Masa

Jawapan:

Boleh menuntut, tetapi perlu ditolak sebanyak 2 jam 15 minit bagi setiap hari termasuk kelepasan Am.(12/11).

5.2 Soalan 2

Saya diarah menanggungkerja kali pertama, dalam tempoh tersebut saya perlu mengambil cuti rehat kerana ada perkara kecemasan, bolehkah saya memohon cuti rehat dalam tempoh tersebut ? Bagaimana pula kes menanggungkerja kali kedua bagi jawatan yang sama.

Jawapan:

Pegawai boleh mengambil cuti Rehat sebab kecemasan (EL) dan Cuti Sakit secara terkumpul tidak melebihi 5 hari bekerja sahaja.

(Rujuk: Para 13.1,Pek. Perkhidmatan Bil.17 Tahun 2007).

Manakala itu, penanggungankerja kali kedua bagi jawatan yang sama perlu menggenapkan 14 hari berturut-turut termasuk cuti mingguan dan kelepasan am.

6. MEMANGKU

6.1 Soalan 1

Saya telah diluluskan memangku jawatan Gred lebih kanan pada 1/11/2011 dan ditempatkan di PTJ A .Selepas melaporkan diri di PTJ A , keesokannya saya kembali bertugas di PTJ lama kerana telah diluluskan penempatan secara pentadbiran untuk bekerja di tempat lama. Apakah saya layak dibayar elaun memangku?

Jawapan:

Tidak layak dibayar kerana pegawai tidak menjalankan tugas jawatan baru dan penempatan secara pentadbiran tidak dibuat bersekali dengan pindah butiran.(J25/11)